

■ Trend pembelian makin kurang berikutan harga meningkat

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Trend pembelian biskut raya semakin berkurangan tahun ini berikutan harga makanan yang sinonim dijadikan kudapan untuk tetamu pada Aidilfitri itu semakin meningkat di samping kenaikan harga barangan lain.

Harga biskut raya yang direkodkan secara rambang di kebanyakan tempat seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan Ampang antara RM25 hingga RM38 satu bekas balang bergantung kepada jenis manakala Shah Alam dan Johor Bahru masing-masing berharga RM35 serta RM25 hingga RM30.

Tinjauan Harian Metro di beberapa lokasi di ibu negara semalam, mendapati aktiviti pembelian biskut raya hambar apabila orang ramai lebih gemar mengunjungi premis pakaian dan kelengkapan lain.



PENIAGA menyusun biskut raya di Jalan Tunku Abdul Rahman.

'Kuih tunjuk' tak laku

Peniaga biskut Jalan TAR, Fara Diana Kamaruddin, 34, berkata, peningkatan harga bahan asas yang dinaikkan pembekal menyebabkan pengusaha biskut seperti terpaksa menaikkan harga kudapan itu tahun ini.

"Hampir semua bahan asas

seperti mentega, tepung, coklat masakan dan bekas kuih harganya dinaikkan pembekal dengan alasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) selain faktor kenaikan harga minyak.

"Contoh bagi kuih raya popular seperti tart, malatop crispy, almond perdana, choc heaven dan frozen kenari, jika dulu 65 biji kami jual antara RM28 dan RM30, tetapi kali ini kami tiada pilihan terpaksa menaikkan harga sehingga RM32.

"Kalau hendak kata persaingan online tak juga, saya juga berniaga online, tapi pasarannya tetap kurang memuaskan. Memang nampak ketara orang dah tak mahu beli kuih 'tunjuk' lagi, mungkin kerana keadaan ekonomi yang tak menentu mereka pilih berhati-hati mengeluarkan duit," katanya.

Berlainan pula dengan pemilik jenama biskut Nahar Power Mohd Naharudin Isa, walaupun segelintir pembekal mengambil ke-



"Hampir semua bahan asas seperti mentega, tepung, coklat masakan dan bekas kuih harganya dinaikkan pembekal"

Fara Diana Kamaruddin


sempatan menaikkan harga bekalan bahan asas kerana faktor GST, pihaknya tetap mengenakan harga sama iaitu antara RM15 hingga RM30 satu bekas biskut raya sama seperti tahun sebelumnya bagi menjaga hati pelanggan setia mereka.

"Kita faham dalam situasi ekonomi tak menentu ini, ramai yang amalkan langkah berjimat cermat kerana kebanyakan barang sudah mahal sekarang.

"Jadi, atas faktor itu kami mengambil inisiatif menanggung sendiri sedikit kerugian yang dikenakan pembekal, namun masih tetap mengekalkan kadar harga sama macam tahun sebelum ini.

"Dalam berniaga kita kena bertolak ansur, apa yang penting kualiti disamping menjaga hati pelanggan," katanya.

Sementara itu, pengguna Nora Hayati Abd Majid, 60, dari Negeri Sembilan mengakui terdapat perbezaan harga biskut di pasaran berbanding tahun lalu yang lebih murah.



PELBAGAI biskut raya dijual di Jalan Tunku Abdul Rahman.